



Siaran Akhbar
Untuk Hebahana Segera

Agihan Zakat kepada Pelajar Asnaf di Pantai Timur

Kuala Lumpur, November 2016, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) telah mengagihkan duit zakat perniagaan tahunannya kepada 180 pelajar asnaf di 3 buah daerah di pantai timur iaitu Salor di Kelantan serta Raub dan Mentakab di Pahang. Selain itu, sebahagian duit zakat tersebut telah diserahkan kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. Semua ini dilaksanakan bagi menunaikan kewajipan GETB sebagai sebuah Syarikat yang berlandaskan Syariah.

Di Kelantan, Sekolah Kebangsaan Salor telah dipilih untuk menerima duit zakat tersebut. Seramai 100 orang pelajar asnaf telah mendapat sepasang baju sekolah, bayaran yuran sekolah 2017 dan wang tunai RM330 seorang bagi menampung perbelanjaan persediaan sekolah untuk tahun 2017. Majlis tersebut turut dihadiri ibu bapa atau penjaga untuk sama-sama menerima sumbangan tersebut. GETB turut menganjurkan sesi motivasi di sebelah pagi yang dikendalikan oleh penceramah PU Izzat untuk pelajar tahun 4 dan 5.

“Kami sedar, bahawa kami juga mempunyai kewajipan dan tanggungjawab dalam memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat. Justeru itu, majlis seumpama ini merupakan satu daripada pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan secara berterusan. Inilah budaya kekeluargaan Great Eastern Takaful yang sebenarnya. Insya Allah, kami akan tingkatkan lagi usaha untuk menjadikan kewujudan dan kehadiran Great Eastern Takaful di negeri Kelantan ini penuh bermakna dan mendatangkan manfaat kepada semua pihak”, ujar Encik Zafri Ab Halim, Ketua Pegawai Eksekutif GETB.

Manakala di Pahang pula, GETB telah bekerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Keluarga Miskin (PKKM) Pahang untuk mengenalpasti keperluan dan mereka yang layak menerima zakat. GETB telah menyerahkan zakat berupa 80 buah basikal kepada pelajar-pelajar asnaf di daerah Raub dan

Mentakab. Inisiatif ini dianjurkan oleh PKKM Pahang, di bawah naungan Yang Mulia Tengku Dato' Muhammad Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Zaini bin Ismail, memberi fokus kepada bantuan keperluan pelajar asnaf dari sekolah rendah sekitar daerah Pahang sejak awal tahun 2016.

"Menerusi bantuan ini, kami berharap agar pemberian ini akan dapat memberikan dorongan kepada pelajar-pelajar tersebut untuk lebih bersemangat meneruskan pembelajaran dalam keadaan yang tenang, selesa dan berasa teruja untuk memulakan sesi penggal baru persekolahan pada tahun hadapan. Kami juga berharap agar usaha dan kerjasama yang terjalin di antara GETB dan pihak-pihak berkaitan akan berterusan terutama dari aspek pendidikan pada masa hadapan", tambah beliau.

Selain dari inisiatif ini, Great Eastern Takaful turut menganjurkan program CSR tahunan GETB iaitu Bijak Amwal untuk melahirkan generasi celik kewangan dan takaful di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

-Tamat-

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usaha sama di antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Syarikat telah mencapai pelbagai kemajuan di mana ia dinamakan 'Institusi Terbaru Islamik Terbaik 2011'; 'Institusi Terbaru Takaful Terbaik' pada 2012; dan 'Pengendali Takaful Terbaik (Asia)' pada 2013 di 'Islamic Business & Finance Awards' di Dubai.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Aida Yuhaniza Ahmad, Brand & Marketing Communications, Tel: 03 4259 8352 atau e-mel:
AidaYuhanizaAhmad@greateasterntakaful.com